

12/01/2004

Asrama khas kelamin mampu atasi `kereta rosak`

Mujtahid Mukmin

SELARAS visi dan misi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) untuk membina sahsiah dan akhlak yang baik di samping menjadikan mahasiswanya cemerlang dalam bidang akademik, UIAM memperkenalkan dasar menggalakkan perkahwinan ketika belajar bagi mengelak berlakunya perkara yang tidak diinginkan.

Sebagai mahasiswa dan beragama Islam pula sudah tentu pergaulan dan kehidupan kita dibatasi syariat Islam. Dasar ini awal-awal lagi telah ditekankan oleh UIAM ketika minggu orientasi lagi.

Bagi merealisasikan lagi dasar ini, UIAM secara proaktif mengadakan satu dana khas untuk pasangan mahasiswanya yang telah berkahwin bagi membantu mereka daripada aspek kewangan.

Ini jelas menunjukkan kesungguhan UIAM dalam menjayakan dasar ini yang pastinya bukan dasar atas angin semata-mata. Tahniah diucapkan kepada pentadbir UIAM kerana adalah antara universiti yang sangat mementingkan muamalat dan pergaulan mahasiswanya bagi membina suasana Islamiyah seperti yang dicita-citakan oleh bekas Perdana Menteri kita, Tun Dr Mahathir Mohamad. Iaitu bagi melihat generasi akan datang tidak terus hanyut dalam arus era kemodenan selain terus menjadikan Islam sebagai cara hidup.

Di sini saya cuma ingin mencadangkan dan seterusnya menggesa bagi melihat dasar ini terus dapat subur di bumi Taman Budi dan Ilmu, supaya UIAM dapat membina sebuah asrama atau rumah kelamin supaya pasangan pelajar yang telah menjayakan dasar UIAM ini tidak rasa terpinggir.

Ini memandangkan tiada prasarana atau kemudahan bagi mereka di dalam kampus yang pastinya jika mereka menginap di luar, kos menyewa adalah terlalu tinggi.

Ini kerana UIA terletak di Lembah Klang yang mempunyai kos sara hidup yang agak tinggi berbanding institusi pengajian tinggi lain di luar Lembah Klang.

Kita juga tidak mahu terus melihat mahasiswa yang masih belum mendirikan rumahtangga mengambil kesempatan dengan menggunakan alasan mereka sudah `berkahwin` tetapi tidak ada tempat untuk bersama dan sering kali berjumpa di sekitar kampus.

Malah sejak kebelakangan ini mereka ini semakin ramai berani berpelukan di atas motosikal atas `lesen` yang mereka cipta sendiri. Ini amatlah mengecewakan kerana disebabkan hanya segelintir mahasiswa inilah yang akan mencemarkan nama baik UIAM.

Saya juga menggesa supaya pihak keselamatan dapat mengetatkan lagi kawalan bagi pembonceng motosikal yang bukan mahram tidak kira mereka ini mahasiswa mahupun staf UIAM sendiri.

Bukan setakat pembonceng motosikal malah mereka yang menaiki kereta juga patut diberi perhatian kerana mereka ini juga semakin berani berdua-dua di dalam kereta di beberapa tempat di sekitar kampus.

`Kereta rosak` ini dapat dilihat tersadai di tepi jalan sekitar kolej dan kuliyyah pada waktu malam yang kadangkala menimbulkan rasa curiga dari gerak laku mereka `bergurau senda` di dalam kereta sehingga dua tiga jam.

Saya memberi sokongan penuh terhadap dasar UIA menggalakkan mahasiswanya berkahwin dan saya juga menggesa supaya UIAM bukan saja memberi galakan sebelum mereka berkahwin malah selepas mereka mendirikan rumah tangga dengan membantu meringankan kos sara hidup khususnya dari segi penyediaan asrama khas.

MUJTAHID MUKMIN

Shah Alam, Selangor.